

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**
TARIKH : **8 MEI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 16:

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah falsafah, idea dan gagasan Bajet Mesra Wanita dapat diterapkan di dalam Belanjawan Negara di bawah pentadbiran Kerajaan baharu Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan *Gender Responsive Budgeting* (GRB) telah mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2004 dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP). Satu manual yang bertujuan untuk memberi panduan kepada agensi Kerajaan yang terlibat bagi melaksanakan GRB juga telah diterbitkan pada tahun 2006. Pada peringkat awal pelaksanaan GRB, terdapat lima Kementerian yang terlibat dalam pelaksanaan Projek Rintis seperti Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Di samping itu, Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan (PB 1.3) iaitu Garis Panduan Bagi Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019, telah menggariskan perspektif dan keperluan gender secara menyeluruh perlu diambil kira dalam membuat analisis masalah / keperluan pelanggan / *stakeholder* bagi menentukan *outcome* dan sasaran KPI. Kementerian / jabatan / agensi perlu mengemas kini data yang berkaitan dari masa ke semasa bagi membantu proses perancangan, penyediaan bajet, pemantauan dan pelaporan prestasi, serta penilaian program.

Pelaksanaan bajet mesra wanita turut dapat dilihat menerusi Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang menitikberatkan peranan wanita dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama dan mampan. Di antaranya ialah dengan memperuntukkan sebanyak RM20 juta yang boleh memanfaatkan seramai 70,000 wanita bagi program saringan percuma pengesanan kanser payudara (mamogram), program vaksinasi HPV dan ujian saringan *Pap Smear* di hospital dan klinik Kerajaan serta memperuntukkan RM10 juta untuk menambah 50 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di bangunan Kerajaan ke arah meringankan bebanan kerja ibu yang bekerja.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian masih dalam proses menyusun semula gerak kerja GRB. Antara langkah yang telah diambil bagi proses ini adalah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pulau Pinang bertujuan meninjau pelaksanaan *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB)* yang telah dijalankan oleh pihak MPSP.

Bagi merencanakan semula dan meluaskan pelaksanaan GRB di peringkat persekutuan, Kementerian akan membuat perancangan dan berbincang dengan Kementerian Kewangan (MOF) secara lebih terperinci dalam pelaksanaan dan pemantauan GRB dalam bajet negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK RABIYAH BINTI ALI**
TARIKH : **8 MEI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 47:

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peruntukan yang diperuntukkan untuk rawatan kesuburan wanita pada 2019 serta berapa ramai wanita yang menerima rawatan ini di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui LPPKN telah memberikan perkhidmatan rawatan subfertiliti kepada mereka yang menghadapi masalah kesuburan di Klinik Pakar Kesuburan LPPKN Kuala Lumpur, Klinik Nur Sejahtera Ipoh, Perak dan Klinik Nur Sejahtera Johor Bahru, Johor sejak tahun 1984 lagi.

Rawatan adalah meliputi penyiasatan, pemeriksaan, perawatan dan prosedur Teknik Bantuan Konsepsi seperti Teknik Permanian dalam Rahim atau IUI (*Intrauterine Insemination*), Persenyawaan Beradas atau IVF (*In-vitro Fertilisation*), Suntikan Sperma ke dalam Saitoplasma atau ICSI (*Intracytoplasmic Sperm Injection*), dan pembekuan gamet (*Cryopreservation*).

Rawatan subfertiliti memerlukan kos, teknologi dan kepakaran yang tinggi untuk memastikan kadar kejayaan yang mencapai standard antarabangsa iaitu antara 15–30%. Peruntukan sebanyak **RM2.0 hingga RM3.5 juta** setahun disediakan oleh LPPKN bagi perolehan ubatan, bahan guna hapus, bahan kimia dan ujian diagnostik makmal. Kos ini tidak termasuk bayaran emolument anggota yang terlibat secara langsung dalam menyediakan perkhidmatan rawatan kesuburan ini.

Bagi tahun 2016 hingga 2018, seramai **3,615 pasangan baru** telah mendapatkan rawatan di 3 klinik pakar selain **12,625 kes ulangan** yang turut dikendalikan. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2019 pula, seramai **541 pasangan baru** telah mendapatkan rawatan berkaitan dengan **2,362** kes ulangan pasangan sedia ada.